

**SOALAN NO: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**  
**[ PARIT ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah tindakan yang diambil Kementerian bagi mengurangkan tekanan dan bebanan kerja yang ditanggung oleh kakitangan hospital terutamanya di kalangan doktor.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM sentiasa berusaha memastikan setiap kakitangan berada dalam keadaan yang optimum dalam memberikan perkhidmatan bagi memastikan kecemerlangan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat.

Di antara langkah dan tindakan yang diambil oleh KKM bagi mengurangkan tekanan terutamanya di kalangan kakitangan di hospital ialah seperti menyediakan Perkhidmatan Kaunseling oleh kaunselor-kaunselor yang terlatih bagi membantu kakitangan untuk mengatasi tekanan yang dihadapi dengan lebih berkesan. Mereka akan diberi tunjuk ajar dan dilatih bagaimana untuk menghadapi situasi sukar semasa bekerja, mengurangkan tekanan, membentuk strategi untuk mengelakkan daripada tekanan berkaitan daripada berulang dan bertambah teruk, teknik pengurusan masa dan kemahiran relaksasi yang berguna dalam menangani tekanan.

Pihak Pengurusan Hospital juga akan memastikan bahawa setiap kerja yang perlu diberikan oleh kakitangan adalah bersesuaian dengan keupayaan setiap individu dengan menggunakan sumber yang ada secara optima. Kakitangan diberikan jadual kerja (*work schedules*) yang berkesan oleh Ketua Jabatan masing-masing dengan mengambil kira faktor-faktor fizikal dan mental kakitangan berkaitan. Mereka diberikan waktu rehat yang bersesuaian dan mempunyai peluang untuk berinteraksi sesama rakan semasa tempoh bekerja.

Setiap kakitangan atau doktor akan diberikan penjelasan mengenai matlamat atau harapan hospital supaya mereka tahu apa yang mereka perlu lakukan bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak hospital tercapai. Melalui penjelasan ini, kakitangan akan dapat menyesuaikan diri semasa menangani isu-isu berkaitan dalam menjalankan tugas harian mereka.

Bagi mengurangkan tekanan di kalangan pegawai perubatan latihan siswazah, mereka telah terlebih dahulu menjalani program orientasi dan induksi sebelum memulakan tugas dalam perkhidmatan. Selain daripada itu, sistem waktu kerja *flexi* yang diamalkan sekarang diharap dapat membantu mengurangkan tekanan kerja mereka.

Di peringkat ibu pejabat KKM, Saringan kesihatan mental ada dijalankan sebagai salah satu komponen dalam Program Warga Aktif Warga Produktif yang telah dilancarkan pada bulan November 2014. Hasil dari saringan ini diharap dapat membantu untuk merancang tindakan susulan dan latihan serta kursus untuk anggota yang mempunyai tekanan berkaitan tempat kerja.

KKM juga telah merancang Program Menangani Tekanan Di tempat Kerja yang akan dilaksanakan pada masa terdekat. Program ini merangkumi aspek promosi, kempen dan kursus bagi meningkatkan kesihatan mental kakitangan di fasiliti-fasiliti kesihatan. Terdapat juga garis panduan yang telah diwujudkan bagi membantu hospital dalam menangani masalah tekanan di kalangan anggota di hospital.

Inisiatif budaya korporat yang mengandungi budaya penyayang dan kerja berpasukan dalam organisasi juga telah diterapkan sejak dulu dan ditekankan dalam perkhidmatan bagi menggalakkan anggota-anggota untuk memikul beban kerja bersama-sama. Nilai "individualism" tidak dialu-alukan dalam Kementerian kerana ianya akan membawa kepada masalah di kalangan anggota dan menimbulkan suasana dan budaya kerja yang tidak sihat. Jika

terdapat rungutan atau aduan di kalangan kakitangan, ianya juga akan disiasat dan diambil tindakan penambahbaikan bagi mengurangkan kejadian yang sama berulang.